



**JABATAN PENGAJIAN POLITEKNIK
PEJABAT TIMBALAN KETUA PENGARAH (AKADEMIK)
KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI**

Galeria PjH
Aras 4, Jalan P4W, Persiaran Perdana, Presint 4
62100 Putrajaya
Tel: 03-88919000 Faks: 03-88919056
Laman Web: <http://politeknik.gov.my>



Ruj. Kami : KPT.JPP(O).602- 2/1 (7)
Tarikh : 15 Mei 2012

Semua Pengarah

Politeknik Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (Seperti Edaran)

Y. Bhg. Mejar (K) / Dato' / Dr. / Tuan,

PINDAAN PELAKSANAAN SISTEM GRED BAHARU POLITEKNIK KPT

Dengan segala hormatnya, saya diarah merujuk kepada perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa, Lembaga Peperiksaan dan Penganugerahan Sijil/Diploma Politeknik Kementerian Pengajian Tinggi Bil. 2/2011 telah meluluskan pelaksanaan Sistem Gred Baharu Politeknik KPT,

Perubahan Sistem Gred Politeknik

“ Mesyuarat bersetuju dengan status ‘lulus bersyarat’ bagi markah 40 – 49 dengan menjelaskan syarat-syarat yang perlu dipatuhi oleh pelajar untuk lulus pengajian. Perubahan sistem gred ini akan digunapakai mulai sesi Jun 2012. ”

3. Sehubungan dengan itu, dimaklumkan juga **Kriteria untuk Bergraduat bagi Sistem Gred Baharu** adalah seperti berikut:

Pelajar adalah dianggap telah menamatkan pengajian bagi sesuatu program yang ditetapkan sekiranya memenuhi **semua** kriteria berikut :

- i. lulus semua kursus yang ditetapkan bagi program berkenaan;
- ii. mendapat HPNM bersamaan atau lebih daripada 2.00;
- iii. memperolehi sepenuhnya jumlah jam kredit yang ditetapkan bagi sesuatu program
- iv. pelajar yang mendapat gred pencapaian lulus minimum (C-, D+ dan D) dibenarkan untuk mengulang kursus sekali sahaja bagi tujuan untuk memperbaiki kelulusan pada semester berikutnya termasuk semester pendek serta pengiraan gred akan diambil yang terbaik tanpa menambah jam kredit.
- v. memenuhi semua kehendak program dan diperakui oleh Lembaga Peperiksaan.

4. Pihak tuan juga dipohon untuk melaksanakan Sistem Gred Baharu tersebut bermula dengan kohort baharu Sesi Jun 2012 sahaja. Kohort-kohort lain akan menggunakan sistem gred sedia ada. Dilampirkan juga ringkasan Sistem Gred Baharu Politeknik KPT sebagai rujukan dan panduan pihak tuan.


5. Sebarang masalah boleh dirujuk kepada pegawai Bahagian Pentaksiran dan Pensijilan, JPP iaitu Tn. Hj Mat Abdul Shukor bin Abdul Wahab (03 – 8891 9034) / Pn. Suhana binti Baharuddin (03 – 8891 9075).

Segala kerjasama dan perhatian dari pihak tuan amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'

Saya yang menurut perintah,



(HJ. MOHD GHAUS BIN AB. KADIR)
Timbalan Ketua Pengarah (Akademik)
Jabatan Pengajian Politeknik
Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia

Markah	Nilai Mata	Gred Semasa		Gred Baru	
		Gred	Status	Gred	Status
90 - 100	4.00			A+	Sangat Cemerlang
80 - 89	4.00			A	Cemerlang
80 - 100	4.00	A	Cemerlang		
75 - 79	3.67	A-	Kepujian	A-	Kepujian
70 - 74	3.33	B+	Kepujian	B+	Kepujian
65 - 69	3.00	B	Kepujian	B	Kepujian
60 - 64	2.67	B-	Lulus	B-	Lulus
55 - 59	2.33	C+	Lulus	C+	Lulus
50 - 54	2.00	C	Lulus	C	Lulus
47 - 49	1.67	D	Gagal	C-	Lulus
44 - 46	1.33	D-	Gagal	D+	Lulus
40 - 43	1.00	E+	Gagal	D	Lulus
30 - 39	0.67	E	Gagal	E	Gagal
20 - 29	0.33	E-	Gagal	E-	Gagal
0 - 19	0.00	F	Gagal	F	Gagal

Ringkasan Sistem Gred